



**MOHD. NOH DALIMIN (kanan) menyerahkan Jalur Gemilang Pendaftar UTHM sebagai simbolik Pelancaran Bulan Kemerdekaan ke-58 UTHM.**

# Kayuhan merdeka

**B**AGI menaikkan semangat patriotisme dalam kalangan warga Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Program Kayuhan Kemerdekaan yang diketuai Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. **Mohd Noh Dalimin** telah dianjurkan pada 17 Ogos lalu bertempat di persekitaran kampus.

Program kayuhan basikal anjuran bersama Pejabat Pendaftar dan Kelab Kebajikan Kakitangan Pejabat Canselori (Kasturi) yang melibatkan pengurusan universiti dan ahli kelab berbasikal diadakan bersempena majlis pelancaran sambutan bulan kemerdekaan yang ke-58 peringkat universiti.

Kayuhan sepanjang enam kilometer mengelilingi kampus itu bertujuan untuk mengedarkan bendera Malaysia kepada pusat tanggungjawab di UTHM untuk dikibarkan sepanjang bulan kemerdekaan ini.

Sementara itu satu majlis pelancaran turut diadakan pada hari yang sama bertujuan untuk menyemarakkan

sambutan Bulan Kemerdekaan Negara ke-58.

Acara yang diadakan ini merupakan inisiatif untuk memupuk dan menyemai semangat patriotisme dan cintakan negara dalam kalangan warga universiti.

Semasa majlis berlangsung, Dr. Mohd Noh turut menyerahkan bendera Malaysia kepada Pendaftar sebagai simbolik Pelancaran Bulan Kemerdekaan ke 58 dan turut melekatkan bendera Malaysia pada Kenderaan UTHM bersama pimpinan Universiti yang lain.

Sambutan yang bermula pada 17 Ogos hingga 16 September ini dipenuhi program majlis bacaan Yasin dan tahlil, kibaran jalur gemilang di setiap kenderaan milik warga universiti.

Selain itu, perbarisan kemerdekaan peringkat negeri, tayangan video dokumentari dan filem patriotik serta majlis penutup bulan kemerdekaan yang dijadual berlangsung pertengahan bulan September.